

13 NOV 2001

Mahathir-Guru

PM MINTA GURU BINA PERIBADI MURID SUPAYA JADI BANGSA BERJAYA

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau menaruh harapan besar terhadap guru-guru untuk menyemai nilai baik seperti rajin dan tekun menimba ilmu di hati anak-anak kerana inilah yang akan menentukan maju mundurnya sesuatu bangsa.

Perdana Menteri berkata walaupun ibu bapa mempunyai tanggungjawab menjaga anak-anak mereka, guru sebagai kumpulan terlatih termasuk dalam bidang psikologi kanak-kanak, berperanan penting dalam mendidik dan membentuk peribadi mereka.

"Peranan guru amatlah penting bukan sahaja untuk menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga membentuk peribadi mulia bagi menjayakan bangsa dan negara kita," katanya pada Konvensyen Perdana Guru Cemerlang 2001 di sini.

Dr Mahathir berkata sesuatu bangsa yang mundur boleh menjadi bangsa berjaya pada suatu hari berkat kerajinan, ketekunan dan semangat tidak mudah mengaku kalah apabila menghadapi sesuatu masalah.

Ini ditunjukkan apabila bangsa Melayu kini mampu melahirkan tokoh-tokoh di bidang perubatan, kejuruteraan, teknologi maklumat dan perguruan berbanding dahulu, katanya.

Perdana Menteri melahirkan rasa kesal dengan kejadian seperti anak membunuh bapa atau bapa merogol anak yang sering dilaporkan akhir-akhir ini.

"Ia menjadi contoh bagaimana rosaknya nilai hidup yang dipegang oleh kita lebih-lebih lagi sebagai orang Islam yang sepatutnya berpegang dan mengamalkan nilai-nilai mulia berpandukan Al-Quran dan hadis," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin jika masyarakat dapat kembali mempraktikkan nilai dan budaya hidup yang baik seperti mengutamakan pelajaran, rajin membaca, sanggup bekerja keras dan membuang sikap mudah berpuas hati, bangsa itu akan menjadi maju.

Perdana Menteri berkata bangsa Malaysia kini berpeluang mengatasi kaum-kaum lain termasuk di Barat yang kini mengalami gejala keruntuhan nilai hidup di samping ingin mencapai sesuatu tanpa perlu melalui apa-apa kesukaran.

"Sebaliknya, rakyat Malaysia akan muncul sebagai bangsa yang dihormati jika mereka sanggup mengejar kejayaan dengan cara bersusah payah dan berusaha dengan tekun," katanya.

-- BERNAMA

MAM HS MAI